

**Cabaran dalam Pengurusan Kewangan Sekolah Menengah**  
*Challenges in Financial Management of Secondary School*

<sup>1</sup>**Jessica Chin Yen Yen, <sup>2</sup>Rezlawani Abdullah & <sup>3</sup>Lenny Yaquob**

<sup>1</sup>SMK Tagasan, Peti Surat 409, 91308 Semporna Sabah

<sup>2</sup>SMK Kuhara, Peti Surat 843, 91008 Tawau Sabah

<sup>3</sup>SMK Bugaya, W.D.T 25, 91309 Semporna Sabah

Corresponding author:jess.chin1123@hotmail.com

Dihantar: 20 Disember 2023/Penambahbaikan: 21 Februari 2024/Diterima: 1 Mac 2024/Terbit: 29 Mac 2024  
DOI: <https://doi.org/10.51200/jpp.v12i1.5002>

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi dalam pengurusan kewangan sekolah menengah. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan protokol temu bual separa berstruktur sebagai instrumen kajian. Kajian melibatkan tiga anggota kumpulan pelaksana kewangan sekolah (AKP) yang terlibat dalam pengurusan kewangan di sekolah Zon Tenggara Sabah. Data dianalisis menggunakan kaedah tematik. Hasil kajian menunjukkan beberapa cabaran yang dihadapi dalam pengurusan kewangan. Cabaran utama melibatkan aspek guru, masalah beban tugas AKP kewangan, masalah dokumentasi kewangan dan perakaunan, kelemahan dari segi kemahiran, faktor usia AKP kewangan dan kekurangan dari segi teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Cadangan kepada penyelesaian masalah termasuklah taklimat kewangan, kelengkapan TMK untuk pengurusan kewangan dan mempertingkatkan peranan pemimpin sekolah. Hasil kajian ini boleh digunakan oleh pihak berkepentingan dalam usaha untuk menambah baik pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah.

**Kata kunci:** Pengurusan Kewangan, Sekolah Menengah, Cabaran

**Abstract**

*This study aims to examine the challenges faced in secondary school financial management. The study uses a qualitative approach with a semi-structured interview protocol as a research instrument. The study involves three members of the school management group (AKP) who are involved in financial management in schools in the Southeast Zone of Sabah. Data were analysed using a thematic method. The results of the study show some of the challenges faced in financial management. The main challenges involve the teacher aspect, financial AKP workload problems, financial and accounting documentation problems, skills weaknesses, financial administrative age factors, and deficiencies in terms of information and communication technology (ICT). Suggestions for solving the problem include financial management briefings, ICT equipment for financial management, and enhancing the role of school leaders. The results of this study can be used by stakeholders to improve school financial management and accounting.*

**Keywords:** Financial Management, Secondary School, Challenges

## **Pengenalan**

Pengurusan kewangan melibatkan satu pusingan proses yang bermula daripada aktiviti membuat perancangan, mengatur strategi, mentadbir, memberi arahan, menjalankan pelaksanaan, pengawalan dan pelaporan (Mahashim Bajuri, 1994). Pengurusan kewangan dilaksanakan secara terurus agar semua perancangan aktiviti dalam sesuatu jabatan dapat dilaksanakan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Dalam konteks pengurusan kewangan di peringkat sekolah ianya ditadbir bagi mencapai objektif tertentu iaitu pertama, untuk mengadakan pemantauan serta kawalan yang ke atas terimaan dan perbelanjaan yang dilakukan oleh sekolah mengikut tatacara yang telah ditetapkan dalam prosedur pengurusan kewangan sekolah. Kedua adalah untuk memudahkan pelaksanaan tugas pengurus sekolah berkaitan dengan perakaunan kewangan sekolah. Ketiganya pula adalah untuk membolehkan pemantauan berterusan dapat dilaksanakan agar kedudukan sebenar perakaunan dan kewangan sekolah diketahui pada masa-masa tertentu (Zaidatol Akmaliah, 2001). Sehubungan dengan itu Mahashim Bajuri (1994), menegaskan pengurusan kewangan diperlukan untuk memperolehi sumber kewangan atau punca pendapatan, perancangan penggunaan, aktiviti berbelanja dan melaporkan prestasi kewangan pada tahun kewangan semasa. Pengurusan kewangan sekolah yang baik sangat penting agar semua program pendidikan sekolah yang dirancang dapat dilaksanakan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian perhatian yang sewajarnya perlu diberikan kepada permasalahan dalam pengurusan kewangan sekolah agar dapat diperbaiki secara berterusan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh kumpulan pelaksana kewangan sekolah. Maklumat mengenai cabaran yang dihadapi dalam pengurusan ini boleh dijadikan sebagai input dalam usaha mempertingkatkan kualiti pengurusan kewangan sekolah.

## **Sorotan Kajian**

Pengurusan kewangan adalah gabungan seni dan sains yang melibatkan pengendalian wang secara berkesan melalui penggunaan pelbagai teori ekonomi dan perakaunan bagi mencapai matlamat kewangan individu mahupun sesebuah organisasi (Muhammad Safuan Yusoff et al., 2021). Apabila pengurusan kewangan dilaksanakan secara efektif, maka krisis kewangan dapat dielakkan. Sektor pendidikan sentiasa menerima perhatian khas dalam belanjawan negara yang dibentangkan setiap tahun. Kerajaan menurunkan peruntukan besar dalam sektor pendidikan agar kualiti pendidikan negara mencapai keperluan semasa selaras dengan transformasi pendidikan abad ke-21. Oleh yang demikian, peruntukan yang diturunkan ini perlu diurus secara berhemah, tanpa pembaziran dan digunakan secara optimum untuk meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran di setiap sekolah di Malaysia. Pengurusan kewangan sekolah adalah sebahagian besarnya diuruskan oleh kerani kewangan, guru besar mahupun pengetua sekolah (Subaa Nadarajan & Norfariza Mohd Radzi, 2019).

Menurut Nur Zuriaty Zaki (2020), guru besar dan pengetua mempunyai kuasa, autoriti dan tanggungjawab dalam menguatkuasakan peraturan yang telah digubal oleh kerajaan bagi melancarkan pengurusan kewangan sekolah. Oleh itu, pengetua sebagai pemimpin perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran serta mengetahui undang-undang, peraturan dan prosedur kewangan yang relevan, serta sentiasa mengetahui perkembangan sistem pengurusan kewangan organisasi. Pengetua perlu memiliki kemahiran asas perakaunan yang kukuh dan memahami segala arahan perbendaharaan, pekeliling kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia yang berkuat kuasa, peraturan dan perundangan kewangan serta perubahan yang berlaku agar mampu menguruskan kewangan sekolah dengan lebih berkesan (Shahril @ Charil

Marzuki, 2006). Selain itu, Ili Kamilah Mohd Arus et al. (2018) turut menjelaskan bahawa pengetua perlu mempunyai sikap akauntabiliti dan autoriti yang dimiliki dalam mengurus kewangan sekolah. Akauntabiliti kewangan merujuk kepada proses yang melibatkan pengetua sekolah dan warga sekolah dalam merancang, memperuntukkan dan menggunakan sumber manusia, wang tunai, aset awam dan perkhidmatan untuk mencapai matlamat organisasi. Seterusnya autoriti pula merujuk kepada kuasa mutlak yang dipegang oleh ketua. Pengurus kewangan yang berkesan membolehkan guru-guru merancang dan menyelaras kerja pengurusan kewangan yang diamanahkan dengan baik dan terancang. Pengetua perlu memperuntukkan sumber sekolah dengan cekap untuk memastikan amalan pengurusan kewangan yang berkesan di samping menunjukkan kualiti peribadi yang baik seperti bertanggung jawab dalam menguruskan kewangan sekolah (Nur Zuriaty Zaki, 2020).

### ***Konsep Integriti dalam Pengurusan Kewangan***

Integriti secara umumnya ialah kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi. Integriti berkait rapat dengan etika. Integriti penjawat awam dikaitkan dengan pelaksanaan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan menurut kepentingan umum dan bukannya mengutamakan kepentingan dirinya. Menurut Institut Tadbiran Awam Negara (2021), berintegriti bermaksud seseorang penjawat awam itu mengutamakan sikap integriti dalam menjalankan amanah dan kuasa yang diberikan demi kepentingan umum dan tidak disalahgunakan untuk kepentingan diri. Menurut Subaa Nadarajan dan Norfariza Mohd Radzi (2019) konsep integriti kewangan merangkumi pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh nilai murni secara berterusan dalam setiap tindakan mahupun tingkah laku dalam mencapai kecemerlangan diri serta organisasi.

Dalam bidang pendidikan, guru yang memiliki sikap integriti dapat memacu sekolah ke arah perkhidmatan profesional yang berkualiti tinggi serta mampu menyumbang kepada pembangunan sebuah negara yang bersistematis dan luhur (Subaa Nadarajan & Norfariza Mohd Radzi, 2019). Laporan Kewangan Bilangan 4 oleh Jabatan Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran Pejabat Pusat Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan (2021) merumuskan amalan pengurusan kewangan yang cekap dan baik di sekolah memerlukan seorang pengetua yang bertanggungjawab, berintegriti, dan berpengetahuan luas. Justeru itu, pengetua wajib memiliki kecekapan dan kebijaksanaan dalam setiap aspek pengurusan kewangan sekolah. Pengetua tidak boleh menganggap jika tiada masalah tiada keperluan untuk memantau dan mengawal pengurusan kewangan.

Guru juga terlibat dalam pengurusan kewangan sekolah seperti mereka mengurus duit panitia yang diperuntukkan, duit yang diperuntukkan untuk program sekolah, yuran yang dikutip dari murid mahupun kutipan duit-duit khas program lawatan dan sebagainya. Oleh yang demikian, guru harus menyimpan dan menguruskan duit murid bagi suatu tempoh masa tertentu maka sebarang kecuaian yang berlaku dalam pengurusan kewangan bakal menyebabkan integriti kewangan guru tersebut dipersoalkan. Justeru itu, guru sebagai penggerak kewangan sekolah perlu mengendalikan sumber kewangan sekolah secara berkesan dan cekap bagi memaksimumkan pulangan bagi setiap ringgit yang dibelanjakan kepada murid oleh kerajaan. Pengurusan kewangan berintegriti boleh dilihat melalui laporan audit serta kemampuan sekolah menguruskan dokumen kewangan secara berkesan dan kecekapan pengurusan kewangan juga penting bagi setiap sekolah disebabkan berbagai-bagai jenis peruntukan dan bantuan diperuntukkan dari kerajaan ke sekolah-sekolah (Subaa Nadarajan & Norfariza Mohd Radzi, 2019).

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan *Interpretive* sebagai paradigma kajian untuk menjalankan kajian kualitatif ini. Menurut Muhammad Suhaimi Taat (2021), pendekatan *Interpretive* merupakan proses penyelidikan yang dijalankan untuk membolehkan pengkaji memahami keadaan atau fenomena yang diselidiki menerusi penelitian terhadap subjek yang wujud dalam keadaan atau fenomena iaitu merujuk kepada informan kajian. Makna dan kefahaman akan diperoleh daripada pentaksiran adalah berbentuk subjektif kerana menggunakan teknik-teknik tertentu, misalnya temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Pendekatan ini sering kala diguna pakai dalam kajian kualitatif kerana pendekatan ini dapat membantu pengkaji mendalamai sesuatu fenomena atau keadaan yang ingin dikaji.

Kajian ini pendekatan kualitatif dengan menggunakan temu bual sebagai instrumen kajian. Menurut Creswell (2008), penyelidikan kualitatif adalah satu proses inkuiiri bagi memahami masalah dengan menyeluruh melalui pandangan informan yang mendalam dalam keadaan latar yang sebenar dan semula jadi. Kamarul Azmi Jasmi (2012) menjelaskan penyelidikan kualitatif sebagai jenis penyelidikan untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan berbentuk angka seperti dalam metode kuantitatif walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Penyelidikan kualitatif ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi seperti melalui temu bual. Kaedah ini juga lebih merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa saja tindakan sosial. Justeru, penyelidikan kualitatif tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil.

Kajian ini dilaksanakan di tiga buah sekolah menengah terpilih di zon tenggara, Sabah. Dari aspek geografi, lokasi kajian ini dipilih kerana mudah diakses oleh pengkaji untuk melaksanakan kajian kerana pengkaji mudah akses untuk bertemu dengan informan yang dipilih daripada lokasi tersebut. Kenyataan ini disokong oleh Bogdan dan Biklen (2007), lokasi kajian harus dipilih berdasarkan kemudahan kepada pengkaji untuk turut serta dalam kajian. Selain itu, pemilihan lokasi kajian ini juga ditentukan kerana minat dan kerjasama daripada sampel adalah pada tahap tinggi, ini membolehkan kajian yang dirancang boleh dilaksanakan dengan lancar.

Sampel kajian bagi penyelidikan kualitatif adalah dalam kumpulan yang kecil dan terpilih daripada populasi yang telah ditentukan oleh pengkaji. Sampel yang kecil ini bertujuan untuk membolehkan pengkaji mencapai tahap ketepuan dalam pengumpulan data. Sampel kajian memiliki ciri-ciri *homogenous* yang telah ditentukan oleh pengkaji berdasarkan kepada tujuan penyelidikan dan telah ditentukan sebelum menjalankan kajian. Kaedah pensampelan dalam kajian ini adalah menggunakan pensampelan bertujuan. Pensampelan bertujuan ini digunakan untuk memilih informan yang bersesuaian dan menepati tujuan dan boleh menjawab kepada objektif kajian. Pensampelan kajian ini adalah pengurus kewangan yang dirujuk mengikut kod-kod PK1, PK2, PK3 dan seterusnya bagi menyembunyikan maklumat informan kajian. Sampel bertujuan bagi kajian ini perlu menetapi ciri-ciri dan sifat *homogenous* yang berikut: (i) merupakan anggota kumpulan pelaksana sekolah (AKP) yang terlibat dalam pengurusan kewangan, (ii) telah berkhidmat di sekolah sekurang-kurangnya 15 tahun; (iii) mempunyai pengalaman dalam pengurusan kewangan sekurang-kurangnya 10 tahun.

Instrumen kajian ini menggunakan soalan-soalan temu bual yang telah disediakan awal sebelum melaksanakan temu bual dengan informan kerana kajian ini menggunakan temu bual separa berstruktur. Mudjia Rahardjo (2011) menjelaskan temu bual berstruktur merupakan penelitian dengan menanyakan kepada informan hal-hal yang telah disediakan sebelum melakukan temu bual dan mengambil pertimbangan terhadap perkara seperti mewujudkan suasana temu bual yang kondusif dan tidak tegang, mencari waktu dan tempat yang telah disepakati dengan informan, bersikap hormat dan ramah terhadap informan, tidak menyangkal informasi yang diberikan informan, tidak menanyakan hal-hal yang bersifat peribadi yang tidak ada hubungannya dengan masalah/tema penelitian dan tidak bersifat mempengaruhi terhadap informan.

Analisis data adalah secara berterusan dalam menjalankan kajian ini kerana pengkaji akan melakukan penganalisaan data sebaik sahaja balik dari lapangan. Hal ini dilakukan bagi memastikan semua data yang dicatat direkod dengan betul dan tidak berlaku keciciran data kerana pengkaji lupa selepas beberapa berlalu dari kejadian di lapangan. Prosedur analisis data adalah berdasarkan kepada sumber data yang pengkaji dapat peroleh iaitu temu bual. Audio yang dirakam oleh pengkaji akan ditranskripsi ke dalam bentuk ayat, sama juga temu bual yang dijalankan akan ditranskripsikan ke dalam bentuk ayat. Data-data yang dikumpul akan dibaca semula untuk mendapatkan familia data, seterusnya data akan disaring untuk menggugurkan mana-mana data yang kurang relevan dan tidak berkaitan dengan tujuan kajian. Pengkaji akan mengkategorikan data-data yang telah disaring ke dalam kelompok atau konstruk mengikut kategori atau tema yang berkaitan. Data akan direkod dengan memberi simbol sama ada dalam bentuk huruf atau nombor iaitu tema (T), Sub tema (ST), kategori (K). Akhirnya, data-data tersebut akan diulas dan dijadikan dalam teks verbatim.

## **Dapatan Kajian**

### ***Profil Peserta Kajian***

Profil peserta kajian ini menjelaskan latar belakang peserta kajian iaitu aspek jantina, tempoh perkhidmatan dan tempoh menjadi AKP kewangan. Ketiga-tiga peserta kajian ini merupakan AKP kewangan yang berpengalaman lama dalam pengurusan kewangan dan perakaunan di sekolah. Jadual 1 menunjukkan profil peserta kajian.

**Jadual 1** Pernyataan Kod bagi Peserta Kajian

Peserta Kajian	Kod Kajian	Jantina	Tempoh Perkhidmatan	Tempoh menjadi AKP kewangan
Peserta Kajian Pertama	PK1	Perempuan	24	23
Peserta Kajian Kedua	PK2	Perempuan	25	24
Peserta Kajian Ketiga	PK3	Perempuan	18	15

### ***Cabaran dalam Pengurusan Kewangan dan Perakaunan di Sekolah***

Hasil kajian mendapat cabaran pengurusan kewangan dan perakaunan di sekolah adalah merangkumi faktor guru, masalah dokumentasi kewangan dan perakaunan, kelemahan dari segi kemahiran, faktor usia AKP kewangan dan kekurangan dari segi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK).

#### ***(i) Cabaran Aspek Guru***

Berdasarkan analisis temu bual yang dijalankan, penyelidik mendapati cabaran dalam pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah berpunca daripada aspek guru. Terdapat tujuh kategori dalam cabaran aspek guru iaitu dari segi tidak ikut prosedur, tidak rancang, kurang bertanggungjawab, tidak ikut tatacara, kurang beri kerjasama, kurang pengetahuan dan tidak berbincang.

##### **Tidak Ikut Prosedur**

Peserta kajian ketiga menjelaskan cabaran dari aspek guru menyebabkan beliau mempunyai masalah bekerja dengan guru yang tidak mengikuti prosedur kewangan. Data verbatim PK3 dan PK1 seperti berikut:

...Ada kes guru ambil barang dahulu tanpa isi nota minta dan perbincangan dengan guru kanan mata pelajaran. Kalau ikut prosedur salah tapi dorang memandai-mandai ambil barang. Siapa yang susah, kami juga yang kena settle kan semua. Itu belum lagi guru-guru yang tidak bagi invois lebih dari 7 hingga 14 hari. Kakak pun tidak tahu macam mana mau tegur sudah, bila ditegur, marah, bila diminta, hilang... (PK3-T1ST1K1-U7-17)

...Yang ini banyak cabaran. Contohnya bil lambat bayar jadi rekod pun lambat lah. Guru pula suka suka ambil barang sebelum menerima LPO. Susah kami mahu tegur sebab ada guru yang ndak mahu ditegur kesalahan mereka. Jadi ini berbalik kepada kami, menyusahkan kerja kami... (PK3-T1ST2K1-U5-518)

...Satu lagi cabaran ini kan pembekal terus berurusan dengan guru. Masalahnya kan ini la menyebabkan invois itu diserahkan kepada guru, tidak diserah pada kerani kewangan... (PK1-T1ST1K4-U55-56)

##### **Tidak Rancang**

Peserta kajian kedua menjelaskan cabaran dari aspek guru adalah guru tidak merancang perbelanjaan dan pengurusan kewangan mereka. Data verbatim PK2 seperti berikut:

...Guru-guru juga kadang segera mahu berbelanja, esok program, hari ini baru isi nota minta sedangkan ianya perlu diproses lebih kurang tiga hari begitu, tidak boleh serta merta... (PK2-T1ST1K2-U13)

**Kurang Bertanggungjawab**

Peserta kajian pertama menjelaskan cabaran dari aspek guru adalah guru kurang bertanggungjawab dalam pengurusan kewangan mereka. Data verbatim PK1 seperti berikut:

...Sama kan cikgu yang menerima barang itu mesti kira dan semak dulu sebelum sign invois. Check sama jumlah sama dengan yang diminta, tapi ada juga tu main sign saja... (PK1-T1ST1K3-U49-50)

**Kurang Beri Kerjasama**

Peserta kajian pertama menjelaskan cabaran dari aspek guru adalah guru kurang beri kerjasama dalam pengurusan kewangan mereka. Data verbatim PK1 dan PK3 seperti berikut:

...Kadang-kala tu ada cikgu tu yang tersimpan invois atau terlupa bagi sama kakak tu invois.. atau guru baru yang tidak tahu... so terpaksa lagi menguruskan dan kejar guru- guru... (PK1-T1ST1K5-U70b)

...Guru-guru juga tidak berbincang dengan kami jika ingin membuat pembelian... (PK3-T1ST1K7-U5)

Semakin sekolah tu besar makin banyak gurunya makin susah bah mau di atur, semua memandai-mandai. Ndak pandai bertanya... (PK3-T1ST2K1-U5-518)

**Kurang Pengetahuan**

Cabaran dari aspek guru juga berlaku apabila guru kurang pengetahuan dalam mengendalikan pengurusan kewangan dengan betul. Data verbatim PK3 seperti berikut:

...Kalau ini, masih ada lagi guru-guru tidak faham tentang penggunaannya. Dorang (mereka) suka belanja tanpa perbincangan. Dorang (mereka) ingat duit ni boleh dipakai bila-bila masa ja padahal PWR ni bertujuan pembelian segera bah ataupun kritikal... (PK3-T1ST1K6-U2)

**(ii) *Cabaran Aspek Dokumentasi***

Dokumentasi ini adalah rumit dan perlu tertakluk kepada prosedur kerja yang ketat serta teratur bagi menjamin kualiti dan keberkesanan dalam pengurusan kewangan. Oleh itu, sering kali AKP kewangan mengeluh akan kesukaran dalam dokumentasi segala kertas, surat, resit, bil dan buku rekod. Penyelidik mendapati lima kategori cabaran aspek dokumentasi iaitu rumit, kena teliti, penggunaan cek, tulisan tak jelas dan terlepas pandang.

**Rumit**

Peserta kajian pertama (PK1) menjelaskan kerumitan dalam mengurus dokumentasi kewangan dan perakaunan sekolah. Antara senario yang berlaku adalah pengurus kewangan perlu memastikan nombor dalam buku pesanan adalah tersusun mengikut tarikh nota minta dan tidak boleh melangkau tarikh. Kerumitan ini berlaku apabila guru tidak menyerahkan nota minta dengan kadar segara untuk tindakan lanjut pengurus kewangan. Selain itu, kerumitan pengurusan kewangan dan perakaunan juga boleh dilihat kerana pengurus kewangan perlu mengurus tujuh dokumen pembayaran untuk setiap satu aktiviti atau pembelian. Apabila

menjelang musim sukan atau program sekolah rancak diadakan, pengurus kewangan perlu berhadapan dengan banyak dokumen pembayaran. PK1 juga menegaskan bahawa dokumentasi kewangan adalah kompleks dan banyak kerja kerana terdapat banyak sistem dan catatan yang perlu dipatuhi. Data verbatim PK1 seperti berikut:

...Supaya running nombor dalam buku pesanan sekolah sebab kalau kakak tidak tahu tidak dapat nota minta... Maksud saya kan, kalau kau rasa kerja saya dengan kau punya kerja, kerja akaun ini nampak mudah. Tapi rumit banyak betul mahu direkod dan dicatat... Macam tadi tu pembayaran kan ada tujuh dokumen pembayaran perlu direkod dan disimpan, iaitu kertas kerja, nota minta, kuotasi, pembekal keluarkan invois, kerani dapat invois daftarkan dalam buku daftar bil, kerani buat boucher bayaran, cek, resit pembayaran. Dokumentasi kewangan ini sememangnya kompleks dan banyak kerja la... Kalau buat kewangan ini ada banyak sistem dan banyak catatan, agak mencabar... (PK1-T1ST3K1-U77a)

PK2 juga bersepappendat dengan PK1 bahawa dokumentasi kewangan dan perakaunan sekolah adalah rumit kerana pengurus kewangan perlu menguruskan dan menjaga tujuh buku rekod pengurusan kewangan. Data verbatim PK2 seperti berikut:

...Satu lagi pasal dokumentasi pengurusan kewangan, ini rumit, bukan mudah. Sebab saya kena jaga 7 buku rekod pengurusan kewangan... (PK2-T1ST3K1-U25-26)

#### Ketelitian

Pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah adalah rumit dan kompleks, maka pengurus kewangan perlu teliti dalam menguruskan dokumentasi kewangan. PK1 menjelaskan bahawa pengurus kewangan perlu teliti dalam menguruskan pembayaran kepada pembekal. Kejadian tidak diingini juga pernah berlaku apabila PK1 kurang teliti dalam membuat pembayaran sehingga cek ditendang kerana pembekal baru itu belum membuka akaun semasa perniagaan. Pengurus kewangan seharusnya memastikan maklumat pembekal dan dokumen pembayaran adalah lengkap sebelum mengeluarkan cek. Keadaan ini boleh berlaku apabila pengurus kewangan terlalu yakin dengan guru dan tidak menyemak dengan teliti. Satu lagi keadaan adalah pencatatan dalam perakaunan juga perlu teliti dan tidak boleh silap kerana silap satu angka, maka pengurus kewangan perlu mengimbangkan semula akaun.

...sepatutnya pesanan itu dulu dibayar tapi penuh sudah dalam pesanan sekolah dan belum bayar... Dengan ada lagi satu keadaan, pembayaran tak masuk. Ini kakak pernah rasa, dia buat invois... itu la pentingnya invois itu perlu ada penyata bank, ada dia punya lessen... Betulkah dia ada akaun, duit boleh masuk... Itu la sepatutnya kerani kewangan dia kena... alert, maksudnya dia sebelum guru-guru menghantar, mesti dengan nota minta, invoisnya, penyata banknya, lesen dia, sama kuotasi dia. Semua ini mesti ada, supaya tidak berlaku yang macam begitu. kakak minta untuk tujuan tengok bidang dia. Kepala dia masukkan dengan barang yang dibekal mereka. Lesen ini dorang yang kena serahkan sekali dengan penyata bank syarikat. So kena check betul-betul juga la. Enam sen itu yang susah mau cari, gara-gara error typing... bukan taip, salah tulis. Itu yang kena kakak cari. Cikgu, saya pernah merasa satu sen, mencari satu sen. Akaun ini

memang tidak mudah, akaun ini kena teliti dan hati-hati. (PK1-T1ST3K2-U79)

PK2 juga memberikan maklum balas yang sama dengan PK1 yang mana pengurus kewangan perlu sentiasa teliti dan tidak boleh silap dalam dokumentasi perakaunan sekolah. Ini adalah amat mencabar kerana jika ada kesilapan, akaun akan jadi tidak seimbang.

...jadi tidak boleh kita silap... setiap buku rekod ini untuk catatan berbeza dan saya kena teliti, dan tidak boleh silap dalam merekod. Kalau ada tersilap, akaun jadi tidak seimbang. (PK2-T1ST3K2-U22,27-28)

#### Penggunaan Cek

Cabaran aspek dokumentasi adalah penggunaan cek. PK1 menjelaskan bahawa pengurus kewangan perlu memastikan guru tidak lewat dalam menghantar nota minit untuk diuruskan pembayaran kepada pembekal. Hal ini kerana jika banyak pembayaran yang perlu diuruskan pembayaran dengan kadar segara dan baki cek tidak mencukupi, maka akan ada pembayaran yang bakal tertangguh dan takut lewat daripada tempoh pembayaran yang sepatutnya.

...Ni petanda cek kakak mahu habis sudah, jadi misal kata pembayaran bulan itu terlalu banyak, lepas tu hanya tinggal baki 10 cek sahaja. Bererti pembayaran seterusnya kena tunggu lagi 5 hari waktu bekerja... (PK1-T1ST3K3-U107-108)

#### Tulisan Tak Jelas

Cabaran aspek dokumentasi juga timbul akibat tulisan pengurus kewangan yang kurang jelas. PK1 menjelaskan ada kalanya dirinya sendiri tidak dapat mengenali tulisannya sendiri terutamanya untuk angka-angka. Masalah ini menimbulkan cabaran dalam perekodan perakaunan kerana boleh menyebabkan akaun tidak seimbang kerana angka tujuh ditulis jadi angka satu.

...Satu lagi masalah kadang kala tulisan saya sendiri pun tidak kenal sudah... (PK1-T1ST3K4-U197)

#### Terlepas Pandang

Masalah terakhir dalam cabaran aspek dokumentasi adalah kadang kala pengurus kewangan juga melakukan kesilapan seperti terlepas pandang atau tersilap tulis. PK1 menjelaskan boleh berlakunya terlepas pandang dalam penyemakan dokumen pembayaran kerana terlalu banyak program atau pembelian yang berlaku pada masa yang sama atau berlaku serentak. PK1 mengalami keadaan di mana PK1 terlepas pandang dan silap mencatat angka sehingga perlu menyemak semula perakaunan untuk mencari perbezaan enam sen tersebut. Keadaan ini amat mencabar kerana tugas seorang pengurus kewangan sememangnya berat dan kesilapan sedikit boleh menambahkan kerja pengurus kewangan.

Tu la pentingnya invoice itu perlu ada penyata bank, ada dia punya lesen. Betulkah dia ada akaun, duit boleh masuk. Tapi hari tu kakak tak minta dia punya akaun, sangka dia macam yang biasa-biasa sama yang lain... contohnya nombor tujuh dan nombor satu... contohnya di depan kakak tulis tujuh sekalinya di belakang tulis satu, bezanya tu enam sen. Enam sen itu yang susah mau cari, gara-gara error typing... bukan taip, salah tulis. (PK1-T1ST3K5-U115,152-153)

**(iii) Cabaran Aspek Kemahiran**

Berdasarkan dapatan analisis kajian, penyelidik mendapati cabaran yang dihadapi oleh AKP kewangan dalam pengurusan kewangan dan perakaunan adalah disebabkan kemahiran dalam pengurusan kewangan dan perakaunan. Melalui temu bual, penyelidik mendapati bahawa terdapat peserta kajian yang masih kurang kemahiran dalam pengurusan kewangan walaupun telah berkhidmat lama dalam bidang tersebut. Ini juga berpunca daripada perubahan dalam pengurusan kewangan dari masa ke semasa, sehingga peserta kajian kurang seiring dengan perubahan dalam pengurusan kewangan sekolah. Antara empat kategori cabaran aspek kemahiran yang dapat dikenal pasti adalah lupa cara isi, komputer, kurang mahir dan belum ditaklimatkan. Perbincangan dapatan seterusnya akan diterangkan dalam sub topik berdasarkan empat kategori tersebut.

**Lupa Cara Isi**

Ketiga-tiga peserta kajian bersepakat bahawa antara cabaran aspek kemahiran adalah guru-guru yang sering lupa cara mengisi dokumen kewangan walaupun telah diajar atau dimaklumkan. PK1 menyatakan bahawa guru-guru sering silap isi nota minta kerana lupa cara mengisi.

...nota minta itu asyik salah sebab guru-guru asyik lupa cara isi. (PK1-T1ST4K1-U73)

PK2 juga berkata bahawa walaupun guru-guru telah diajar, tetapi mereka tidak ingat cara kerana biasanya guru hanya terlibat sekali atau dua kali dalam pengurusan kewangan dalam setahun.

Kalau kita ajar pun, dia tidak dapat buat, jadi kena juga buat sama-sama sebab dia tidak ingat stepnya. (PK2-T1ST4K1-U20)

PK3 menerangkan bahawa guru-guru walaupun tahu apa yang diperlukan dalam mengisi nota minta, tetapi tetap ditinggal kosong yang sepatutnya diisi.

Nota minta pula ada yang tidak diisi dengan lengkap oleh guru-guru.

Padahal isi saja yang ruang kosong disitu jelas tertulis apa yang perlu diisi tetapi masih juga dorang tidak isi. (PK3-T1ST4K1-U11-12)

**Komputer**

PK1 dan PK2 juga menghadapi cabaran aspek kemahiran dalam penggunaan komputer. PK1 menghadapi cabaran dalam menggunakan sistem PATSKOM dalam komputer, manakala PK2 menghadapi cabaran komputer kerana pembantu tadbir lain kurang mahir komputer dan PK2 terpaksa mengambil masa lama untuk membimbing dan mengajar sehingga tugas sendiri tertunggak. Data verbatim PK1 dan PK2 seperti berikut:

Bisanya ada juga kerani yang kurang mahir, macam dalam sistem PATSKOM ini kan kadang kita ubah atau kasi betulkan, merah nya tidak pandai hilang-hilang... susah sebab sampai sekarang ini pun pandai juga ada merah-merah. Ada masanya tiada merah tapi masih ada salah... (PK1-T1ST4K2-U191,193)

Lepas tu kurang kemahiran komputer pembantu tadbir lain yang mengurus SUWA sehingga saya tidak cukup masa untuk menumpukan kepada tugasannya sebab perlu membimbangnya. Sistem ini kalau silap sikit, banyak lagi tatacaranya jadi cabaran juga bagi mereka yang kurang kemahiran ICT ni. (PK2-T1ST4K2-U17-18)

#### Kurang Mahir

Masalah kurang mahir juga menjadi antara cabaran dalam aspek kemahiran pengurusan kewangan dan perakaunan. Bukan setakat guru yang kurang mahir, pembantu tadbir yang lain juga kurang mahir dalam bab pengurusan kewangan sekolah. PK1 menjelaskan cabaran beliau bertambah apabila terdapat guru yang tidak mahir dalam pengurusan kewangan.

...sama masalah guru tak mahir dalam kewangan pun timbulkan masalah juga. (PK1-T1ST4K3-U215)

PK2 menjelaskan bahawa pembantu tadbir kurang mahir dalam menggunakan PATSKOM dan PK2 perlu asyik memberikan bimbingan. Keadaan ini menambahkan kerja PK2 dalam menguruskan kewangan.

Cabaran juga buat saya sebab kawan saya kurang mahir, sudah kakak bimbing tapi masih kurang mahir, macam masa dorang buat PATSKOM (Penyata Kewangan Tahunan Sekolah). (PK2-T1ST4K3-U24)

#### Belum ditaklimatkan

PK1 dan PK2 juga bersetuju bahawa guru-guru yang belum didedahkan atau belum ditaklimatkan dengan pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah juga menjadi cabaran kepada mereka. Hal ini kerana mereka yang terpaksa membimbang satu per satu guru, dan ini adalah kurang efisien dalam pengurusan kewangan.

Mungkin bukan kurang pendedahan, cuma belum ada lagi pendedahan sebab belum ada masa mahu kasi pendedahan... (PK1-T1ST4K4-U72)

...kerana ada guru yang belum sempat ditaklimatkan... (PK2-T1ST4K4-U11)

#### *(iv) Cabaran Aspek Usia*

Berdasarkan analisis temu bual yang dijalankan, penyelidik mendapati cabaran dalam pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah berpunca daripada aspek usia. Terdapat lima kategori dalam cabaran aspek usia iaitu dari segi daya ingatan, penat, masalah kesihatan, rabun dan meningkat usia. Perbincangan dapatannya seterusnya akan diterangkan dalam sub topik berdasarkan lima kategori tersebut.

**Daya ingatan**

Peserta kajian pertama menjelaskan cabaran dari aspek usia menyebabkan beliau mempunyai daya ingatan yang lemah. Data verbatim PK1 seperti berikut:

... kalau kan ada lagi masalah keliling-keliling, dia akan jadi macam tak pandai. Saya kan cikgu pandai jadi lupa-lupa ingat.. mungkin kan kesan umur tinggi ... (PK1-T1ST5K1-U24-26)

PK2 menyatakan bahawa cabaran dari aspek usia juga menyumbang kepada daya ingatan yang lemah dalam mengingati langkah-langkah dalam pengurusan kewangan yang perlu direkodkan dalam sistem ESPKWS (Sistem Perakaunan Sekolah).

Pembantu tadbir yang bersama mengurus kewangan tidak boleh sendiri di depan PC, dia boleh lupa step mana sudah mungkin kerana usia jugalah. (PK2-T1ST5K1-U19)

**Penat**

Cabaran dari aspek usia turut mempengaruhi pengurus kewangan di mana PK1 menjelaskan bahawa beliau telah lama dalam bidang pengurusan kewangan menyebabkan beliau berasa penat. Data verbatim PK1 adalah seperti berikut:

Kakak sudah penat menjadi kerani kewangan. Bayangkan sudah 23 tahun saya buat ini kewangan, cikgu. (PK1-T1ST5K2-U21)

**Masalah Kesihatan**

Selain itu, cabaran dari aspek usia turut memberi cabaran dalam pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah kerana masalah kesihatan yang dialami pada usia tersebut.

...mungkin kan kesan umur tinggi, kesan darah tinggi, minum ubat kah apa kah. Masa itu sama kak stres, jatuh sakit, maklumlah usia kakak ni kan sudah meningkat, cikgu, bukan macam dulu time muda-muda ok ja banyak kerja. (PK1-T1ST5K3-U26, 185)

**Rabun**

Seterusnya, usia turut memberi kesan terhadap penglihatan. Mata rabun sedikit sebanyak memberi cabaran kepada PK1 dalam mengurus kewangan dan perakaunan sekolah. Data verbatim PK1 adalah seperti berikut:

Kalau saya kirakan betul, tapi kalau kira berulang-ulang kan ada beza satu sen. Saya ini selalu kena ini sebab mana lagi tulis tak jelas, mata rabun orang tua. (PK1-T1ST5K4-U158)

**Meningkat Usia**

Usia yang makin meningkat juga menyumbang kepada cabaran kepada PK1 dalam mengurus kewangan dan perakaunan sekolah. Data verbatim PK1 adalah seperti berikut:

Tu la macam kami ni yang sudah meningkat usia kan susah sikit buat PATSKOM ni, mencabar betul. (PK1-T1ST5K5-U195)

**(vi) *Cabaran Alatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)***

Berdasarkan analisis temu bual yang dijalankan, penyelidik mendapati cabaran dalam pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah turut berpunca daripada aspek alatan teknologi maklumat dan komunikasi. Terdapat tiga kategori dalam cabaran alatan teknologi maklumat dan komunikasi iaitu jaringan Internet, pengisian sistem rumit dan kurang kelengkapan TMK. Perbincangan daptan seterusnya akan diterangkan dalam sub topik berdasarkan tiga kategori tersebut.

**Jaringan Internet**

Jaringan internet penting dalam perekodan dan pengemaskinian data kewangan dan perakaunan sekolah dalam sistem ESPKWS (Sistem Perakaunan Sekolah) yang memerlukan kestabilan internet bagi memastikan maklumat yang di rekod selamat disimpan dalam sistem.

Bukan tidak mahu guna tapi kadang-kadang tidak ada line, itu puncanya.  
(PK1-T1ST6K1-U16)

**Pengisian Sistem Rumit**

Seterusnya, PK1 dan PK2 turut menjelaskan bahawa pengisian sistem kewangan yang merumitkan memberikan cabaran kepada mereka.

Bukan juga salah apa-apa pun, kadang kala itu sistem macam pelik sikit. Tidak salah pun masih merah lagi dalam sistem. PATSKOM ini cikgu dia susah, dia perlukan orang-orang yang betul mahir. Kak tidak berapa minat dengan PATSKOM kerana sekolah menengah ini banyak aliran-aliran, ada elektif dan saiz sekolah pun besar. Kalau PATSKOM SUWA ini rumit sikit, sebab duit sumbangan awam bukan kerajaan, ini kena keyin details betul, kena jelaskan perseorangan yang memberi sumbangan, jenis sumbangan, kenapa dia menderma. (PK1-T1ST6K2-U189-190)

Sistem ini kalau silap sikit, banyak lagi tatacaranya jadi cabaran juga bagi mereka yang kurang kemahiran ICT ni. (PK2-T1ST6K2-U18)

**Kurang Kelengkapan TMK**

Analisis daptan kajian turut mendapati bahawa kekurangan kelengkapan TMK turut memberikan cabaran kepada pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah untuk melancarkan setiap prosedur kewangan yang terlibat.

... masalahnya dia memilih windows pula, windows tidak boleh di bawah tahun 2010. Tapi komputer sekolah masih yang lama punya, so itu pun masalah la. (PK1-T1ST6K3-U212)

Sama semua ini perlu guna komputer sedangkan komputer dalam bilik sini satu saja. (PK2-T1ST6K3-U23)

### ***Cadangan Penyelesaian Cabaran***

#### **Taklimat atau Bengkel Pengurusan Kewangan**

Melalui analisis dapatan kajian, ketiga-tiga peserta kajian berpendapat bahawa penyelesaian masalah dalam pengurusan kewangan dan perakaunan di sekolah adalah seperti melaksanakan taklimat mahupun bengkel berkaitan dengan tatacara kewangan sekolah.

Jadi pentadbir ini patut rancang dan setiap tahun memberikan taklimat atau bengkel pengurusan kewangan kepada semua guru bukan hanya guru tertentu sahaja. (PK1-T2K1-U216)

Beri taklimat kepada guru-guru tatacara pengisian nota minta dan kertas kerja sebelum memulakan aktiviti atau membeli barang. (PK2-T2K1-U12)

Sepatutnya guru-guru ni awal tahun di dedahkan cara pengurusan kewangan mengikut prosedur yang betul. Pengetua patut buat kursus untuk guru-guru ni. (PK3-T2K1-U20-21)

#### **Penambahbaikan TMK**

Melalui analisis terdapat dapatan kajian, penyelidik mendapati bahawa PK1 dan PK2 memberikan cadangan penyelesaian cabaran yang sama iaitu pihak sekolah seharusnya menambah baik kemudahan dan perantaian TMK di sekolah. Hal ini kerana rangkaian Internet diperlukan untuk mengemaskini dan mengisi maklumat kewangan dan perakaunan atas talian.

Cikgu, patut komputer dikasih la yang support sistem PATSKOM. Sama kan kena la sediakan juga internet untuk memudahkan kerja kerani. (PK1-T2K2-U214)

Sama satu lagi patutnya tu line internet kasi bagus juga, sebab susah mau buat kerja kalau asyik masalah internet. Kerja jadi tertangguh sebab tak dapat isi online. (PK2-T2K2-U30-31)

#### **Peranan Pemimpin Sekolah**

Melalui analisis dapatan kajian, PK2 dan PK3 berpendapat bahawa penyelesaian masalah dalam pengurusan kewangan dan perakaunan di sekolah adalah seperti melalui peranan pemimpin sekolah. Ini dibuktikan melalui teks verbatim berikut:

...akak rasa pengetua perlu juga ada kemahiran dan pengetahuan tentang pengurusan kewangan ni sebab dorang yang akan memantau kerja-kerja kami... (PK2-T2K2-U29)

...Peranan pengetua membimbing staff dibawahnya perlu tu sebab pengetua adalah pengurus kewangan di sekolah...(PK3-T2K2-U22)

## **Perbincangan**

Hasil daripada temu bual mendapati cabaran yang dialami oleh pengurusan kewangan sekolah adalah aspek guru di mana guru tidak mengikut prosedur ketika mengisi borang nota minta dan borang-borang yang berkaitan kewangan sekolah. Guru-guru kurang pengetahuan dalam pengurusan kewangan menyebabkan terdapat banyak kesalahan yang telah wujud di dalam borang dan juga guru menggunakan duit dengan alasan yang tidak kukuh. Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian Norfariza Mohd Radzi et al. (2013) iaitu guru kekurangan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam pengurusan kewangan sekolah. Beberapa kajian telah mendedahkan bahawa sesetengah guru mempunyai corak tingkah laku kewangan yang lemah (Zaimah Ramli et al., 2012). Muhammad Faizal A. Ghani & Shahril @ Charil Marzuki (2010) serta Takiah Iskandar (1995) berpendapat bahawa kepimpinan organisasi (seperti sekolah) yang menguruskan kewangan perlu bertanggungjawab dan mematuhi segala arahan bertulis dari pihak berkuasa (misalnya KPM) dan pengurusan tersebut seharusnya berdasarkan sistem kawalan serta struktur organisasi yang jelas. Selain daripada itu guru juga tidak berbincang dengan para pentadbir serta pengurus kewangan dalam menguruskan kewangan sekolah menyebabkan terdapat kesilapan komunikasi dan etika dalam menguruskan sumber kewangan yang telah disediakan. Hal ini berlaku kerana kebanyakan pihak pengurusan tidak mengetahui ilmu menguruskan kewangan yang betul (Syed Ismail dan Ahmad Subki 2010).

Dokumentasi dalam pengurusan kewangan dan perakaunan merupakan antara cabaran kepada pengurus kewangan, terutamanya AKP kewangan. Hal ini kerana dokumentasi kewangan dan perakaunan adalah rumit dan perlu tertakluk kepada prosedur kerja yang ketat serta teratur bagi menjamin kualiti dan keberkesanan dalam pengurusan kewangan. Sekolah- sekolah kerajaan termasuklah Sekolah Kluster Kecemerlangan adalah tertakluk kepada Akta Tatacara Kewangan 1957, Pekeliling Perbendaharaan dan Garis Panduan dan Surat-surat Siaran dalam pengurusan kewangan (Aziah Ismail & Abd Ghani Kanesan, 2012). Oleh itu, sering kali AKP kewangan mengeluh akan kesukaran dalam dokumentasi segala kertas, surat, resit, bil dan buku rekod yang perlu direkod secara teliti tanpa kesilapan.

Kemahiran dalam pengurusan kewangan pengurus kewangan dan guru-guru menjadi cabaran dalam pengurusan kewangan sekolah. Ini juga berpuncanya daripada perubahan dalam pengurusan kewangan dari masa ke semasa, sehingga pengurus kewangan mengikuti perkembangan atau perubahan semasa dalam pengurusan kewangan sekolah. Guru yang sering lupa cara mengisi nota minta menimbulkan cabaran kepada pengurus kewangan. Ini kerana semua proses kerja perolehan melalui pembelian terus dan permohonan bekalan dan perkhidmatan termasuk program memerlukan nota minta dan kertas kerja lengkap wajib disediakan untuk program (Hayati Omar et al., 2021). Masalah kurang mahir dalam pengurusan kewangan dan perakaunan menjadi cabaran pengurusan kewangan. Ini kerana tanpa kemahiran, pengurusan kewangan termasuk AKP kewangan, guru dan pengetua tidak dapat mengurus kewangan dan akaun dengan sebaik- baiknya. Dapatkan ini juga selari dengan kajian Muhammad Faizal et al. (2010), kekurangan kepakaran dan kemahiran pengetua, staf sekolah dan guru menyebabkan aktiviti pengauditan dalam pengurusan kewangan terjejas. Kajian Mohamed Mahmood (2007), serta Herliana dan Mahani (2022) juga menunjukkan dapatan yang sama, iaitu cabaran pengurusan kewangan adalah disebabkan kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan sekolah. Kajian tersebut juga menjelaskan masalah pentadbir sekolah yang kurang maklumat dalam mengoperasi dan menguruskan kewangan sekolah menimbulkan cabaran pengurusan kewangan.

Keperluan kelengkapan alatan TMK yang lengkap dan terkini juga perlu dalam melancarkan pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah. Selain itu, pengisian sistem kewangan yang merumitkan memberikan cabaran di mana banyak data yang perlu diisi dalam rangkaian sistem yang luas dan pelbagai memerlukan ketelitian dan kemahiran TMK seseorang bagi mengelakkan sebarang kesilapan yang boleh menjelaskan keseluruhan data yang telah dikemaskini. Tambahan lagi, alatan TMK perlu lengkap dan mencukupi bagi memastikan proses awal hingga akhir pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah seperti pencetakan, penyimpanan data dan perekodan dapat dilaksanakan secara berkesan. Hal ini selaras dengan kajian Subramaniam dan Mohd Izham (2020) yang mendapati cabaran terhadap teknologi adalah seperti kekurangan teknologi kekurangan infrastruktur, capaian Internet yang tidak seragam antara cabaran yang dialami di sekolah.

## **Kesimpulan**

Kajian ini telah berjaya mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh anggota Kumpulan pelaksana pengurusan kewangan sekolah. Cabaran yang dihadapi termasuklah guru-guru yang kurang pengetahuan tentang pengurusan kewangan, masalah dokumentasi kewangan dan perakaunan, kelemahan dari segi kemahiran, faktor usia AKP kewangan dan kekurangan dari segi teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Berdasarkan kepada cabaran ini, beberapa cadangan telah diutarakan seperti memberikan taklimat kewangan kepada guru-guru, melengkapkan peralatan TMK untuk pengurusan kewangan dan meningkatkan peranan pengurus sekolah. Hasil kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pihak berkepentingan agar mutu pengurusan kewangan sekolah dapat terus dipertingkatkan.

## **Rujukan**

- Aziah Ismail & Abd Ghani Kanesan. (2012). Amalan autonomi dan akauntabiliti dalam pengurusan sekolah kluster di Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 58, 29-35.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. 2007. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. 5th Edition. Boston, MA: Pearson Education, Inc.
- Creswell, J. W. (2008). *Research Design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. 3rd Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Hayati Omar, Abdul Ghani Haji Sani, Ong, S. G. Jamilah Othman & Melati Jilon. (2021). *Tahap pengetahuan dan kemahiran guru besar dalam pengurusan kewangan sekolah- sekolah rendah di negeri Sabah menerusi program runding cara kewangan anjuran Institusi Aminuddin Baki*. Laporan Kewangan Institusi Aminuddin Baki, Bil. 6. Dipetik daripada [iab.moe.edu.my/images/pengurus\\_kandungan/penyelidikan/laporan/LK\\_Bil6\\_2021.pdf](http://iab.moe.edu.my/images/pengurus_kandungan/penyelidikan/laporan/LK_Bil6_2021.pdf)
- Herliana Yasin & Mahani Mokhtar. (2022). Practices of accountability and transparency in financial management among secondary school principals. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(9), 198-216.
- Ili Kamilah Mohd Arus, Shamin Samsuddin, Nur Hazyyah Zawawi & Muhammad Faizal A. Ghani. (2018). Kepimpinan guru besar dan keberkesanan pengurusan kewangan peruntukkan geran perkaitan sekolah rendah zon Bangsar. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(2), 26-44.

- Institut Tadbiran Awam Negara. (2021). *Etika perkhidmatan awam*. Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Jabatan Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran Pejabat Pusat Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan. (2021). *Audit pengurusan kewangan berteguran di sekolah-sekolah negeri Selangor: satu tinjauan*. Institusi Aminuddin Baki. Dipetik daripada [https://iab.moe.edu.my/images/pengurus\\_kandungan/penyelidikan/laporan/LK\\_Bil14\\_2021.pdf](https://iab.moe.edu.my/images/pengurus_kandungan/penyelidikan/laporan/LK_Bil14_2021.pdf)
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Penyelidikan kualitatif dalam sains sosial*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka pada 28-29 Mac 2012. Johor Bahru: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- Mahashim Bajuri. (1994). *Pengurusan kewangan: Suatu pengenalan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mohamed Mahmood. (2007). *Pentadbiran kewangan sekolah: Satu tinjauan amalan pengetua di sekolah menengah daerah Kuala Selangor*. Kertas projek yang tidak diterbitkan, Univeriti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mudjia Rahardjo. (2011). Metode pengumpulan data penelitian kualitatif, Dipetik dari <http://repository.uin-malang.ac.id/1123/>. Tidak Diterbitkan. Sekolah Pascasarjana Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang.
- Muhammad Faizal A. Ghani & Shahril @ Charil Marzuki. (2010). *Pembangunan modal insan menerusi kebersihan pengurusan kewangan sekolah*. Kuala Lumpur. PTS Profesional.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Norfariza Mohd Radzi, Saedah Siraj & Faisol Elham. (2010). Kepimpinan dan proses kawalan terhadap peruntukan kewangan sekolah: perspektif Malaysia. *Jurnal Internasional Manajemen Pendidikan*, 4(2), 80-95. Dipetik daripada <https://journal.uny.ac.id/index.php/jimp/article/view/747>
- Muhammad Safuan Yusoff, Irma Wani Othman, Mohd Kamal Mohd Shah, Mohd Sohaimi Esa, Nurul Ain Zulhazmi, Mohd Azri Ibrahim & Romzi Ationg. (2021). Moratorium dan pengurusan kewangan norma baharu dalam menginspirasi dan mendidik kepimpinan komuniti pendidikan tinggi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(38), 188-201.
- Muhammad Suhaimi Taat. (2021). *Penyelidikan dan penulisan akademik pendidikan*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Norfariza Mohd Radzi , Muhammad Faizal A. Ghani, Saedah Siraj, Mojgan Afshari. (2013). Financial decentralization in Malaysian schools: strategies for effective implementation. *The Malaysian Online Journal of Educational Science*, 1(3), 20-32.
- Nur Zuriaty Zaki. (2020). Pengurusan Kewangan Sekolah Dalam Tempoh PKP. *Jurnal Refleksi Kepimpinan*, 3, 42-51.
- Shahril @ Charil Marzuki. (2006). *Mengurus kewangan sekolah*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Subaa Nadarajan & Norfariza Mohd Radzi. (2019). Integriti Kewangan dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan Zon Bangsar, Kuala Lumpur. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(4), 22-37.
- Subramaniam, R. & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2020). Amalan kepimpinan teknologi guru besar serta cabaran dan cadangan penambahbaikan di sekolah. (*Webinar Seminar Nasional Pendidikan 2020*, 1(1), 281-295).
- Syed Ismail & Ahmad Subki Miskon. (2010). *Guru dan cabaran semasa*. Selangor Darul Ehsan: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Takiah Iskandar. 1995. *Asas pengauditan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. (2001). *Pentadbiran pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Zaimah Ramli, Sarmila Md Sum, Azima Abdul Manaf, Suhana Saad, Novel Lyndon, Mohd Yusof Hussain, & Sivapalan Selvadurai. (2012). Tingkah laku kewangan guru di Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(6), 42-48.